



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 26 / 2020

PROSES PENAMAAN CALON PILIHAN RAYA KECIL (PRK) DUN N.23 CHINI, PAHANG

1. Hari ini proses Penamaan Calon bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN N.23 Chini, Pahang telah dijalankan.
2. Selepas tempoh penamaan calon ditutup pada jam **10.00 pagi**, SPR telah menerima sebanyak **TIGA (3) KERTAS PENCALONAN** bagi PRK ini.

SENARAI PENCALONAN YANG DITERIMA MENGIKUT MASA:

BIL	NAMA CALON	PARTI
i.	TENGGU ZAINUL HISHAM BIN TENGGU HUSSIN	BEBAS
ii.	MOHD. SHARIM BIN MD. ZAIN	BARISAN NASIONAL
iii.	MOHD. SHUKRI BIN MOHD. RAMLI	BEBAS

3. Dengan selesai proses penamaan calon tersebut, maka **tempoh berkempen bermula** sehingga jam **11.59 malam, 3 Julai 2020.**

4. SPR telah menubuhkan **TIGA (3)** Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR) selaras dengan **Seksyen 27B Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954** untuk memantau semua aktiviti calon ketika berkempen termasuk pematuhan terhadap garis panduan pencegahan Covid-19 ini. Ini selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan yang sedang berkuatkuasa di bawah **Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)**.
5. SPR telah menyediakan **SURAT AKU JANJI** untuk ditandatangani oleh calon yang mengandungi **10 JANJI** mematuhi segala peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dan mana-mana undang-undang serta peraturan yang berkaitan sepanjang tempoh berkempen.
6. Untuk makluman, pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga telah membuka bilik gerakannya di Kompleks SPRM Pahang, Bandar Indera Mahkota, Kuantan, Pahang dan akan beroperasi selama 24 jam. Pegawai-pegawai SPRM juga akan membuat pemantauan di lapangan.
7. Calon **DIBENARKAN** untuk mempamer dan mengedarkan bahan kempen pilihan raya yang mengandungi gambar calon, lambang/symbol parti dan gambar pemimpin parti yang diwakilinya termasuklah lambang/symbol parti dan gambar pemimpin parti komponen yang berdaftar secara rasmi.

8. Apa-apa bahan kempen yang boleh digunakan seperti iklan, surat sebaran, pelekat dan poster hendaklah mengandungi nama dan alamat pencetak dan penerbitnya **KECUALI** bendera, poster simbol parti dan gambar pemimpin parti atau calon yang bertanding.
9. Bahan kempen yang mengandungi perkataan-perkataan yang boleh **mengembangkan perasaan jahat, berunsur perkauman dan menyentuh sensitiviti keagamaan atau yang boleh mendatangkan permusuhan** adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
10. Setiap ceramah perlu mendapatkan permit daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan PDRM berkuasa untuk mengambil tindakan bagi aktiviti ceramah yang dijalankan tanpa permit.
11. Dijangkakan Keputusan PRK akan diumumkan **SEBELUM jam 10.00 malam pada 4 Julai 2020**.
12. Bagi PRK ini, SPR telah melantik 32 orang pemerhati pilihan raya daripada 10 buah organisasi (agensi kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), dan 3 individu yang berkelayakan) untuk memantau perjalanan proses pilihan raya ini.
13. SPR menjangkakan peratusan keluar mengundi untuk PRK ini adalah lebih kurang **70 peratus**.

14. SPR juga memohon semua pihak khususnya pihak media agar turut memainkan peranan untuk menggalakkan pengundi agar keluar mengundi pada 4 Julai 2020 nanti.
15. SPR akan terus melaksanakan penambahbaikan-penambahbaikan pada PRK ini seperti mengurangkan bilangan pengundi daripada 600 pengundi kepada 400 pengundi sahaja dan memaklumkan kepada pengundi untuk keluar mengundi pada waktu yang digalakkan sepertimana tercatat pada *voter's card* bagi mengelakkan kesesakan dan memastikan penjarakan sosial dapat dilaksanakan. Di samping itu garis panduan pencegahan wabak Covid-19 juga akan turut dikuatkuasakan di pusat-pusat mengundi dan pusat penjumlahan rasmi undi.
16. SPR juga berharap agar aktiviti berkempen akan berjalan dengan penuh harmoni serta tidak melanggar undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
17. SPR merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada YH Dato' Zaliza bin Zulkipli, Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan pasukannya kerana telah menjalankan tanggungjawab dengan lancar pada hari ini.
18. Terima kasih kepada YH Dato' Zamree Bin Hamli, Pengarah SPR Pahang dan anggota Pejabat SPR Negeri Pahang.

19. Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak PDRM, Jabatan Insolvensi Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), media dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Sekian, terima kasih.

DATUK AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 20 Jun 2020 / 28 Syawal 1441H